

12 - 14 SEPTEMBER 2023 | KEM WAWASAN NEGARA KAKI BUKIT PERLIS



KEMENJADIAN PELAJAR BERMULA DENGAN JURULATIH KOKURIKULUM KELAS PERTAMA

Melahirkan pelajar mempunyai minda kelas pertama dan dapat berdaya saing merupakan objektif utama pelaksanaan kursus induksi pada kali ini. Kursus kompetensi diberikan selaras dengan keperluan pelajar pada masa kini serta menjadikan para jurulatih senantiasanya cakna dengan matlamat UiTM dalam kemenjadian pelajar bertepatan dengan Hala tuju pelan strategik UiTM.

Kursus ini turut memberikan pemahaman khusus berkaitan dengan teknik pengajaran, cara mengenali pelajar dengan teknik NLP dan penerapan nilai ESI-IDART. ESI - Kecemerlangan, Sinergi dan Integeriti adalah elemen yang perlu ada dalam diri jurulatih dan pelajar serta iDART merangkumi Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab dalam menjalankan tugas sebagai jurulatih. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi, Rektor UiTM Cawangan Perlis dan turut hadir semasa kursus ini berlangsung YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Azman Yahya, Pengarah Pusat Kokurikulum UiTM bersama kakitangan dan penceramah bagi slot kompetensi iaitu Puan Nurul Nisha Shah, Pensyarah Fakulti Komunikasi & Media UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan 57 orang jurulatih.

**PENGAJARAN
SEJAJAR
DENGAN
PERKEMBANGAN
TEKNOLOGI DAN
KEHIDUPAN
PELAJAR**

Disediakan oleh :
Puan Nur Aishah Zakaria
Pembantu Tadbir Kanan